



SABAH, MALAYSIA

# Warta Kerajaan

## KELUARAN KHAS

*Diterbitkan dengan kuasa*

---

Jil. LXX]

KOTA KINABALU, RABU, 1 JULAI 2015

[No. 25

---

**Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.**

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI SUKARTI BIN WAKIMAN,**  
*Setiausaha Kerajaan Negeri.*

---

**No. 201**

[No. DUNS: (S) 600-8/1 (22)

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KEEMPAT BELAS

PENGGAL KETIGA

PERISYTIHARAN

BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.

DAN BAHAWASANYA Dewan Undangan Negeri Sabah melalui Perisytiharan yang bertarikh pada 13 Mei 2015 telah dipanggil untuk mengadakan Sidang pada 6, 7 dan 8 Julai 2015 dan bahawasanya keadaan kini menghendaki supaya sidang tersebut diadakan pada 6 dan 7 Julai 2015.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, Yang di-Pertua Negeri Sabah mengisytiharkan bahawa Sidang Dewan Undangan Negeri Sabah yang ditetapkan pada 6, 7 dan 8 Julai 2015 adalah dengan ini diadakan pada 6 dan 7 Julai 2015.

Perisytiharan bertarikh 13 Mei 2015 adalah dengan ini dipinda.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 22 haribulan Jun 2015.

TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,  
*Yang di-Pertua Negeri Sabah.*

LS

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA MUSA HAJI AMAN,  
*Ketua Menteri Sabah.*